

10 NOV 2000

Sukan-Asia (Malaysia)

INDIA MUNGKIN TERSINGKIR JIKA PENGUNDIAN MENGIKUT WILAYAH

Oleh: David Chelliah

PUSAN, Korea Selatan, 10 Nov (Bernama) -- New Delhi mungkin tersingkir pada pusingan pertama jika para perwakilan pada Majlis Olimpik Asia (OCA) memutuskan untuk memilih tuan rumah Sukan Asia 2006 berdasarkan pengundian mengikut wilayah, kata Presiden Majlis Olimpik Malaysia Tan Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar.

Beliau berkata Kuala Lumpur, Doha dan Hong Kong mungkin melepasi halangan pertama jika para perwakilan memutuskan untuk mengundi mengikut sentimen wilayah.

Tunku Imran, yang juga naib pengerusi Jawatankuasa Penawaran Sukan Asia 2006 Kuala Lumpur, berkata Doha akan mendapat sokongan daripada 12 negara dari Asia Timur manakala Kuala Lumpur menerima 10 undi dari Asia Tenggara, Hong Kong sembilan dari Asia Timur dan New Delhi dengan tujuh undi dari Asia Selatan manakala empat undi dari Asia Tengah mungkin diagih sama rata.

OCA mengadakan pengundian secara sulit pada Ahad ini untuk menentukan bandar raya yang akan menganjurkan Sukan Asia 2006 dan pemilihan itu dijalankan mengikut pusingan penyingkiran.

Bandar raya yang memperolehi 51 peratus daripada 42 undi itu diisytihar sebagai pemenang.

Tunku Imran berkata jika pengundian mengikut wilayah diadakan Kuala Lumpur pasti menghadapi persaingan sengit dengan dua bandar raya utama -- Doha dan Hong Kong.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas meraikan para perwakilan OCA pada jamuan tengah hari di Lotte Hotel di sini hari ini, beliau berkata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein, Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Sharif dan beliau sendiri akan berucap untuk persembahan pada Ahad ini.

Setiap bandar raya yang menawarkan diri dibenar membuat persembahan di hadapan perwakilan OCA pada Ahad sebelum pengundian dijalankan.

Tunku Imran berkata Kuala Lumpur akan menggunakan persembahan audio visual dan antara lain menayangkan perutusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada para perwakilan.

Sementara itu, Hishammuddin, yang juga pengerusi jawatankuasa penawaran, berkata persaingan untuk mendapatkan hak penganjuran itu sangat sengit berikutan kempen bersungguh-sungguh yang dijalankan oleh tiga bandar raya lain.

"Kita mempunyai keyakinan...tetapi ada 42 perwakilan yang akan menentukan nasib kita di sini," katanya.

-- BERNAMA

DC ZS AKD